

LANUN ATAU MUNDU DI SABAH

Ramli Dollah¹

PENGENALAN

Serangan, rompakan, penculikan dan sebagainya yang menjadikan laut sebagai kawasan utama kumpulan perompak ini merupakan antara perkara yang menjadi isu utama di Sabah. Namun, sehingga ke hari ini, dikalangan masyarakat umum kesemua aktiviti ini dianggap sebagai aktiviti perlanunan, rompakan bersenjata ataupun penculikan. Namun, bagi masyarakat di Sabah (terutamanya pantai Timur Sabah), aktiviti ini lebih dirujuk sebagai serangan *Mundu*. Hal ini mungkin ada kebenarannya memandangkan konsep lanun, rompakan di laut penculikan dan sebagainya ini tidak mampu menjelaskan keadaan yang berlaku ini malahan konsep tersebut banyak bertindan lapis, mengelirukan dan gagal untuk mengenal pasti bentuk aktiviti yang berlaku di Sabah. Berdasarkan kepada permasalahan ini, maka artikel ini dengan menggunakan beberapa contoh akan cuba untuk mengetengahkan satu konsep iaitu *Mundu* yang mungkin akan membantu menjelaskan keadaan sebenar yang berlaku di Sabah.

Kertas kerja ini akan dibahagikan kepada beberapa bahagian utama. Bahagian pertama akan melihat definisi Perlanunan dan rompakan Bersenjata di Laut yang banyak menimbulkan kekeliruan lebih-lebih lagi apabila membandingkan dengan keadaan yang berlaku di Pantai Timur Sabah. Bahagian kedua akan cuba melihat definisi dan beberapa kriteria *Mundu* yang dilihat mampu menjelaskan kesemua keadaan yang berlaku di Sabah. Bahagian ketiga melihat latar belakang dan fenomena semasa yang berlaku di Pantai Timur Sabah berkaitan dengan ancaman *Mundu*. Bahagian empat, melihat beberapa insiden serangan, rompakan dan penculikan oleh *Mundu* dan bahagian akhir kesimpulan.

DEFINIS PERLANUNAN DAN ROMPAKAN DI LAUT

Beberapa definisi telah diberikan mengenai perlanunan.² Namun, kertas kerja ini hanya akan melihat beberapa definisi ringkas yang diberikan untuk menjelaskan aktiviti ini serta masalah-masalah yang timbul dalam menjelaskan konsep ini.

Salah satu daripada definisi yang jelas mengenai Perlanunan ini adalah seperti yang dijelaskan di dalam *United Nations Convention on the High Seas* (1958) yang didefinisikan semula seperti yang termaktub di dalam Perkara 101 *United Nations Convention on the Law of the Sea* (UNCLOS) 1982. Dalam hal ini, UNCLOS mendefinisikan perlanunan sebagai 'sebarang tindakan keganasan atau penahanan yang menyalahi undang-undang atau mana-mana tindakan penjarahan/

perampasan yang dilakukan untuk kepentingan sendiri terhadap awak-awak atau penumpang dalam kapal laut atau kapal udara persendirian dan dilakukan di laut lepas (*High Seas*).³

Jika merujuk kepada definisi mengenai perlanunan seperti yang disebutkan di dalam UNCLOS 1982 ini, jelaslah ia menyebut bahawa perlanunan sebagai satu tindakan keganasan yang dilakukan di Laut Lepas (*High Seas*)⁴ dan ia merupakan sesuatu yang diluar bidang kuasa sesebuah negara.⁵ Melalui definisi ini, jelas bahawa sebarang tindakan keganasan yang dilakukan di pelabuhan atau perairan sesebuah negara tidak dianggap sebagai lanun di bawah undang-undang antarabangsa tetapi ia diklasifikasikan sebagai Rompakan Bersenjata Api (*Arms Robbery*).⁶

*The Joint International Working Group's*⁷ memberikan definisi perlanunan sebagai tindakan seorang atau sekumpulan orang yang melakukan aktiviti haram seperti yang terkandung dalam Artikel 15 *Convention on the High Seas* 1958 atau Artikel 101 UNCLOS 1982 serta melakukan beberapa perkara yang tidak mengikut peraturan samada ia dilakukan secara sengaja atau tidak.⁸ Jika merujuk kepada definisi ini, ia sekali lagi menjelaskan bahawa definisi perlanunan yang diberikan hanya mengulang semula definisi yang telah sedia ada seperti yang disebutkan di dalam UNCLOS 1982.

International Maritime Bureau dalam laporannya mengenai aktiviti perlanunan pada 1992 mendefinisikan perlanunan sebagai '*act of boarding any vessel with the intent to commit theft or other crime and with the capability to use force in furtherance of the act*'.⁹ Selain itu, dalam usaha mengenalpasti aktiviti perlanunan ini, terdapat beberapa kriteria lain yang biasanya dirujuk untuk melihat samada ia benar-benar perlanunan ataupun bukan. Pertama, biasanya ia akan melibatkan sekurang-kurangnya 2 buah kapal dan kedua, dilakukan untuk tujuan peribadi dan bukan bermatlamatkan politik.

Manakala Rompakan di Laut (*Sea Robbery*) merujuk kepada aktiviti yang dilakukan secara terancang dan dilakukan dalam kumpulan yang kecil dan biasanya dilakukan di perairan wilayah sesebuah negara.

Melalui definisi ini, jelas bahawa undang-undang antarabangsa membenarkan sesebuah negara untuk menangkap lanun dan mengenakan hukuman kepada kumpulan ini atas tuduhan bertindak sebagai lanun. Di beberapa negara misalnya Thailand, ia mendefinisikan perlanunan meliputi sebarang aktiviti ke atas kapal dan anak-anak kapal di dalam wilayah sesebuah negara dan mengenakan hukuman ke atas warganya yang melakukan aktiviti ini di negara lain.¹⁰ Russ Swinnerton (1998) juga cuba menyamakan Perompak Laut dan Perlanunan kerana menurutnya kedua-dua aktiviti ini melibatkan rompakan dan keganasan di mana jenayah yang dilakukan adalah ke atas kumpulan yang menjadikan laut sebagai kawasan utama mereka/pelaut (*Seamen*).¹¹

Walau bagaimanapun, apabila menggunakan definisi ini, terdapat beberapa masalah yang timbul. Ini kerana definisi ini hanya menyukarkan pemahaman mengenai konsep perlanunan terutamanya di rantau Asia Tenggara dan lebih-lebih lagi dengan keadaan yang berlaku di Pantai Timur Sabah. Dalam artikel 58 (2)

UNCLOS III misalnya menyatakan bahawa perlanunan hanya merujuk kepada aktiviti di luar perairan sesebuah negara dan tidak terpakai dalam wilayah sesebuah negara.¹² Jika merujuk kepada definisi ini, ia hanya merujuk aktiviti perlanunan sebagai satu keadaan yang berlaku di Laut Lepas dan bukannya berlaku di dalam wilayah atau dalam Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) sesebuah negara. Namun, dalam konteks Asia Tenggara (termasuk Malaysia) keadaannya adalah berbeza kerana kebanyakan daripada aktiviti yang sering dirujuk sebagai perlanunan dan rompakan laut ini tidak memenuhi kriteria yang dirujuk sebagai lanun. Di Sabah misalnya:

- Serangan dan rompakan ini berlaku di perairan Sabah (Malaysia);
- Kumpulan ini bertindak melarikan diri ke Laut Lepas atau ke negara jiran (Filipina atau Indonesia) atau bersembunyi di pulau-pulau berhampiran;
- Merompak enjin-enjin sangkut, makanan, peralatan-peralatan dan sebagainya;
- Matlamat utamanya adalah untuk mendapatkan keuntungan melalui cara yang tidak sah serta menjadikan laut sebagai jalan utama untuk melepaskan diri samada ke negara lain (terutamanya Filipina) atau ke pulau-pulau berhampiran;
- Melakukan rompakan dan serangan ke atas pekan-pekan utama di daratan seperti di Lahad Datu dan Semporna;
- Melakukan serangan ke atas balai polis seperti yang berlaku di Semporna;
- Melakukan penculikan dan,
- Beberapa aktiviti lain.¹³

Keadaan yang berlaku ini adalah sangat berbeza dengan definisi perlanunan dan rompakan bersenjata yang dirujuk sebelum ini. Ini kerana, keadaan yang berlaku di Sabah adalah berbeza memandangkan terdapat beberapa kriteria perlanunan dan rompakan laut boleh digunapakai manakala sebahagiannya tidak menjelaskan keadaan ini. Berdasarkan kepada keadaan ini, maka artikel ini cuba memperkenalkan konsep '*Mundu*' sebagai alternatif kepada penggunaan definisi perlanunan dan rompakan laut terutamanya dalam konteks negeri Sabah khususnya Pantai Timur Sabah.

KONSEP '*MUNDU*'

Mundu merupakan kata nama yang dipinjam daripada masyarakat Pantai Timur Sabah yang merujuk kepada "Manddusi'a" iaitu manusia. Namun, apabila merujuk kepada *Mundu*, ia melibatkan segala aktiviti perlanunan, rompakan laut, penculikan ataupun jenayah yang menjadikan laut sebagai pusat aktiviti mereka (sama ada merompak di laut atau menggunakan laut sebagai cara untuk melepaskan diri).

Mundu dikalangan masyarakat tempatan terutamanya di pantai Timur Sabah bukanlah merupakan satu isu yang baru kerana aktiviti ini telah berlaku sebelum kemasukan penjajahan barat lagi. Malahan terdapat masyarakat di Sabah ataupun negara-negara jiran yang menganggap ianya sebagai kerjaya yang utama untuk mendapatkan pulangan ekonomi. Secara amnya, beberapa kriteria penting mengenai *Mundu* ini iaitu:

- Menjadikan laut sebagai pusat aktiviti mereka samada untuk melakukan rompakan, serangan, keganasan dan sebagainya. Dengan kata lain mereka ini menjadikan laut sebagai pusat utama untuk memasuki sesebuah negara, tempat untuk beroperasi, tempat untuk melarikan diri, tempat untuk bersembunyi dan lain-lain;
- Mereka ini melakukan rompakan di darat atau laut dan kemudiannya melarikan diri ke laut lepas, ke Filipina, Indonesia atau bersembunyi di pulau-pulau yang berhampiran;
- Rompakan biasanya untuk tujuan peribadi iaitu untuk tujuan mendapatkan wang dan keperluan namun ia juga seringkali dikaitkan kepentingan politik terutamanya apabila mengaitkannya dengan aktiviti subversif yang dilakukan oleh Filipina ke atas Malaysia;
- Melakukan rompakan menggunakan senjata merbahaya atau bersenjata api;
- Menyerang bot-bot nelayan dan mencuri kelengkapan yang ada, menyerang perkampungan yang terdapat di pulau-pulau dan pesisir pantai untuk mendapatkan barangan keperluan misalnya makanan;
- Menculik tebusan untuk mendapatkan wang tebusan seperti yang berlaku di Sipadan dan Pandanan;
- Dilakukan biasanya secara berkumpulan;
- Menggunakan sistem pangangkutan di laut iaitu Jongkong atau Tempel¹⁴;
- Samada dilakukan oleh warga tempatan atau warga dari negara lain samada Filipina atau Indonesia, dan
- Selain itu, segala aktiviti yang dilihat membahayakan yang menjadikan laut sebagai tempat untuk melarikan diri juga akan dianggap sebagai dilakukan oleh *Mundu*.¹⁵

Berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang diberikan, jelas menunjukkan bahawa konsep perlanunan dan rompakan di laut yang banyak digunapakai selama ini telah dimasukkan didalam ruang lingkup *Mundu* yang akan cuba dijelaskan di dalam kertas kerja ini. Dengan kepelbagaian aktiviti di negeri Sabah yang menjadikan laut sebagai punca utama kepada aktiviti mereka, kertas kerja ini akan cuba untuk menunjukkan bagaimana kesemua kriteria ini berlaku di negeri Sabah dengan menggunakan beberapa contoh kes yang berlaku sejak awal kemerdekaan sehingga ke hari ini bagi melihat kejayaan konsep *Mundu* dalam menjelaskan keadaan di atas.

MASALAH MUNDU DI NEGERI SABAH

Aktiviti serangan dan rompakan oleh perlanunan dan rompakan laut merupakan ancaman yang amat serius kepada keselamatan negara lebih-lebih lagi apabila kumpulan ini sering menyerang kapal-kapal tangki dan kapal-kapal dagang yang melalui Selat Melaka dan laluan di Laut China Selatan.¹⁶ Peluang untuk melakukan aktiviti ini di rantau Asia Tenggara adalah terbuka luas lebih-lebih lagi apabila kawasan ini menjadi laluan utama kapal-kapal. Oleh itu, tidak menghairankan apabila rantau Asia Tenggara menjadi kawasan utama berlakunya aktiviti perlanunan.¹⁷ Walau

bagaimanapun, dalam konteks Sabah, didapati bahawa aktiviti yang dijalankan ini bukanlah melibatkan serangan atau rompakan bersenjata sahaja kerana mereka ini bukan sahaja menyerang dan merompak bot-bot atau kapal-kapal, tetapi mereka ini juga melakukan serangan ke atas balai polis dan rompakan ke tanah besar, sesuatu yang sangat berbeza dengan perlanunan di kawasan lain. Berdasarkan kepada hal ini, maka jelas bahawa aktiviti yang berlaku di Sabah ini adalah perbuatan *Mundu*.

Beberapa kawasan pantai Timur Sabah, seperti Semporna, Tunku, Kunak dan Lahad Datu merupakan lokasi utama kepada berlakunya aktiviti ini.¹⁸ Pada tahun-tahun sebelum 1980an, aktiviti ini banyak tertumpu di laut dan kawasan pulau sahaja, namun sejak 1980an, didapati terdapat kecenderungan untuk berlakunya serangan *Mundu* ini ke atas kawasan-kawasan daratan. Bukan setakat itu, insiden Sipadan dan beberapa insiden lain selepas itu menunjukkan bahawa kumpulan ini semakin berani menjalankan aktiviti mereka dengan melakukan penculikan kerana ia mampu membawa pulangan yang lebih besar. Jadual di bawah menunjukkan jumlah kes *Mundu* yang berlaku di Sabah untuk tempoh 1990-2003.¹⁹

Jadual 1: Kes *Mundu* di Sabah 1990-2003

| TAHUN | KES |
|-----------|-----|
| 1991 | 35 |
| 1992 | 25 |
| 1993 | 53 |
| 1994 | 40 |
| 1995 | 72 |
| 1996 | 67 |
| 1997 | 19 |
| 1998-2000 | 28 |
| 2001-2003 | 28 |

Sumber: Ramli Dollah *et. al.* (2003). "Pendatang Filipina di Sabah: Satu Pemerhatian dari Sudut Keselamatan", dalam *Jurnal Jati*, Jabatan Asia Tenggara, Universiti Malaya, Bil. 8, Dis. dan Bukit Aman, 2004.

Berdasarkan kepada jadual yang ditunjukkan di atas, jelas bahawa aktiviti *Mundu* semakin berkurangan dari setahun ke setahun.²⁰ Penurunan ini adalah selari dengan usaha kerajaan melalui cawangan-cawangan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang berusaha meningkatkan pengawalan di perairan di pantai Timur Sabah antaranya melalui Ops Pasir, Ops Tayang, Ops Padan dan beberapa operasi lain.

Namun, apabila memperkatakan tentang kesan yang dibawa akibat aktiviti ini, didapati ia membawa kesan yang besar. Daripada segi kerugian harta benda, aktiviti ini membawa kerugian harta benda yang tinggi terutamanya kepada para

penduduk pesisir pantai dan pulau yang banyak bergantung kepada aktiviti berasaskan laut. Pada 1992 misalnya, daripada 11 kes yang berlaku di kawasan Pantai Timur Sabah, sejumlah RM143,600.00 kerugian terpaksa ditanggung akibat masalah ini. Pada 1993, daripada 22 kes yang berlaku, ia melibatkan kerugian melebihi RM166,265.00. Bagi daerah Sandakan misalnya, pada 1991, jumlah kerugian akibat tindakan *mundu* ini adalah lebih kurang RM 100,000.00 dan pernah mencapai angka lebih kurang RM 331,000.00 pada 1993, RM 236,000.00 pada 1994 dan RM 972,551.00 pada 1996.²¹ Antara barangan yang biasa dicuri adalah seperti bot, enjin sangkut, duit dan sebagainya. Lebih buruk lagi apabila kejadian-kejadian ini melibatkan kehilangan nyawa misalnya seperti yang berlaku dalam kes di Pulau Omodal pada tahun 1980an.

Berdasarkan kepada statistik ini juga, didapati majoritinya adalah didominasi oleh kumpulan *Mundu* dari Filipina. Namun selain daripada itu, berdasarkan kepada beberapa temubual yang dijalankan dengan beberapa penduduk pulau Bum-Bum, Semporna yang pernah mengalami masalah ini, menyatakan bahawa aktiviti ini juga dijalankan oleh penduduk tempatan. Ini adalah berdasarkan kepada berdasarkan percakapan dan bahasa yang mereka gunakan iaitu dailek Bajau dan Suluk. Bagi warga Filipina, walaupun mereka ini boleh bercakap dalam bahasa Melayu, namun cara percakapan kumpulan ini masih pekat dengan bahasa ibunda mereka.²²

Sejak 1980an, didapati terdapat lebih kurang 24 kumpulan *Mundu* di Laut Sulu. Namun, kebanyakan daripada kumpulan ini telah berjaya ditumpaskan oleh pihak berkuasa samada di Malaysia atau Filipina.²³ Pada hari ini, jumlah kumpulan ini semakin berkurangan dan dianggarkan terdapat lebih kurang 18 kumpulan *Mundu* yang masih beroperasi diperairan Sulu Sabah dan kebanyakannya dipercayai menjadikan Filipina sebagai markas utama mereka.²⁴ Daripada jumlah ini, hanya terdapat 6 kumpulan yang aktif iaitu *Kumpulan Pipi Uwah*, *Kumpulan Sarikal @ Alihal*, *Kumpulan Akil Jani*, *Kumpulan Tandanan*, *Kumpulan Madjuran* dan *Kumpulan Akil Dewan*. Semasa menjalankan aktiviti mereka, kumpulan ini menggunakan senjata-senjata yang merbahaya.²⁵ Selain itu, terdapat juga beberapa kumpulan lain misalnya Abu Sayaff yang masih aktif dalam menjalankan aktiviti penculikan seperti yang berlaku dalam insiden Sipadan dan Pandanan serta beberapa kumpulan tidak terancang organisasi mereka yang melakukan aktiviti *Mundu* ini.

Semasa menjalankan kegiatan ini, kumpulan ini menggunakan beberapa peralatan untuk mengelakkan mereka dari dikesan atau untuk melarikan diri dari buruan pihak berkuasa. Antara peralatan utama yang digunakan adalah Tempel dengan menggunakan enjin *Pump Boat*.²⁶ Dengan menggunakan peralatan ini, mereka mampu melepaskan daripada buruan polis kerana ia boleh bergerak di bawah rumah kawasan Perkampungan Air, ia mampu untuk bergerak di kawasan air tohor terutamanya kawasan bakau dan kawasan perkampungan semasa usaha meloloskan diri dari kepungan polis, laju dan sukar untuk dikejar oleh pihak berkuasa.²⁷ Bukan setakat itu, kumpulan ini juga mempunyai kelengkapan-kelengkapan yang lebih canggih iaitu menggunakan GPS dan beberapa kelengkapan lain.²⁸

Kesan utama yang dialami oleh masyarakat setempat ialah wujudnya

perasaan takut dikalangan masyarakat setempat yang tinggal dan bergantung kepada ekonomi perikanan. Menurut sumber penduduk-penduduk di beberapa kawasan yang pernah mengalami rompakan, mereka biasanya dipaksa untuk terjun ke laut bagi membolehkan *Mundu* ini mencuri kelengkapan seperti enjin sangkut, makanan dan peralatan lain yang boleh dijual. Namun perkara yang lebih menakutkan ialah apabila ianya melibatkan ancaman kepada nyawa penduduk-penduduk ini apabila *Mundu* ini juga sering menyerang kawasan-kawasan pulau seperti yang berlaku dalam insiden 1980 di Pulau Omadal, Semporna.

Kesan serangan *Mundu* ini amat ketara terutamanya kepada kesejahteraan para penduduk yang mendiami kawasan terpinggir di Sabah di mana aktiviti berleluasa terutamanya di Pantai Timur Sabah. Antara kesan utama akibat daripada serangan *Mundu* ini timbulnya perasaan takut dikalangan penduduk ini tentang keselamatan mereka. Oleh itu, mereka cuba untuk mengelakkan keluar dari rumah dan berkurung dalam rumah. Bukan setakat itu, para penduduk ini juga takut untuk turun ke laut untuk menangkap ikan kerana khuatir bot-bot atau enjin-enjin mereka akan menjadi mangsa kepada aktiviti ini. Dalam insiden yang berlaku di Sandakan dan Kudat sepanjang 2003, kesemuanya melibatkan kerugian bot-bot dan enjin-enjin mereka.²⁹ Keadaan ini lebih teruk lagi dialami oleh penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan pulau kerana bimbang nyawa mereka menjadi mangsa kepada kumpulan ini.³⁰ Selain itu, dalam kes serangan *Mundu* di Semporna pada 1996, didapati aktiviti ini membawa kepada masalah sentimen perkauman kerana masing-masing menuduh satu pihak sebagai punca kepada masalah ini.³¹

BEBERAPA INSIDEN SERANGAN DAN ROMPAKAN OLEH MUNDU

Bagi melihat ancaman yang diwujudkan oleh aktiviti *Mundu* ini kepada penduduk di negeri Sabah, beberapa insiden akan ditunjukkan. Melalui insiden ini, didapati bahawa ancaman *Mundu* ini adalah sangat merbahaya kerana ia turut melibatkan kes kematian dan melibatkan sejumlah besar kerugian dari segi harta benda dan wang ringgit.

Peristiwa di Pulau Bum-Bum, Semporna 1963

Dalam peristiwa ini, sekumpulan tujuh orang *Mundu* yang berpakaian celoreng ala tentera yang diketuai oleh Datu Pukol, seorang berbangsa Suluk menggunakan senjata moden seperti senapan jenis Pump Gun. Kumpulan ini dikatakan berniat untuk merompak seorang kaya bernama Tuan Haji Abdul Salam Othman. Selepas membunuh seorang penduduk kampung, kumpulan ini bertindak melarikan diri menaiki Kumpit ke pulau-pulau yang berhampiran. Laporan kepada pihak polis tidak dapat dilakukan memandangkan kedudukannya pada masa tersebut yang amat jauh. Hanya keesokan harinya, barulah laporan dapat dibuat di Balai Polis Semporna dan akhirnya pihak polis dapat menangkap kumpulan di Pulau Matakang, beberapa kilometer dari pulau Bum-Bum. Para *Mundu* ini dapat dikenalpasti memandangkan sebahagian penduduk kampung mengenali beberapa orang ahli perompak di mana mereka pernah bekerja dengan Tuan Haji Abdul Salam Othman. Dalam insiden tembak-menembak dengan pihak polis ini, seorang perompak ini dapat ditangkap dan selebihnya mati.³²

Insiden Bot Penumpang 'Saleha Baru' 1979

Salah satu daripada aktiviti yang mungkin dapat dijadikan contoh tentang bahayanya aktiviti *Mundu* ini adalah melalui kes rompakan ke atas bot penumpang ML Saleha Baru pada Oktober 1979 yang dalam pelayaran dari Semporna ke Lahad Datu dan membawa 48 orang penumpang. Kapal yang ditawan ini kemudiannya dipaksa untuk menukarkan haluannya ke Pulau Adal.³³ Dalam insiden ini, tiga penumpang mati ditembak, seorang perempuan dirogol dan beberapa orang lagi cedera sementara dan yang lain dilarikan ke Filipina oleh kumpulan ini.³⁴ Walau bagaimanapun, kes ini selesai apabila mangsa ini berjaya diselamatkan melalui bantuan tentera Filipina.

Insiden Di Pulau Denawan, Semporna 1980

Pada 29 Mac 1980, sekumpulan 6-8 orang bersenjatakan M-16 menyerang pulau tersebut ketika penduduk kampung sedang tidur. Kumpulan perompak ini membunuh 7 orang dan 11 orang cedera dalam kejadian ini. Walau bagaimanapun, peristiwa ini adalah akibat daripada perselisihan faham yang berlaku akibat daripada sebuah perigi. Dalam peristiwa ini, perigi ini telah diganggu oleh seorang kanak-kanak perempuan. Ia kemudiannya menjadi isu yang besar apabila melibatkan kaum dewasa.³⁵

Insiden Pulau Timba-Timba, Semporna 1982

Satu lagi contoh serangan *Mundu* yang dapat dilihat adalah kes serangan sekumpulan bersenjata api ke atas penduduk Pulau Timba-Timba, Semporna pada 1983. Menurut masyarakat setempat, ianya dilakukan oleh sekumpulan warga Filipina. Dalam kejadian ini, kumpulan perompak ini merompak penduduk-penduduk kampung ini dan membunuh beberapa orang penduduk kampung. Walau bagaimanapun, adalah disyaki bahawa motif kejadian ini adalah untuk membalas dendam.³⁶

Insiden Standard Chartered Bank dan Pejabat MAS, Lahad Datu 1985

Peristiwa rompakan ke atas Standard Chartered Bank dan Pejabat Malaysian Airlines System (MAS), Lahad Datu pada September 1985 ini dilakukan oleh sekumpulan 26 lelaki dan seorang perempuan yang berpakaian ala tentera elit Marin Filipina menggunakan senjata-senjata seperti M16, *Grenade Launcher* dan lain-lain.³⁷ Dalam insiden ini, seramai 11 orang awam terbunuh, seorang pengawal keselamatan dan tiga orang awam mengalami kecederaan.³⁸

Mundu ini berjaya melepaskan diri dengan wang rompakan berjumlah RM200,000.00 dari *Standard Chartered Bank* dan Pejabat MAS.³⁹ Dalam peristiwa ini, pihak polis berjaya menembak mati beberapa orang ahli kumpulan berkenaan dan turut memusnahkan salah sebuah bot mereka. Beberapa orang ahli kumpulan tersebut berjaya melarikan diri ke sempadan Malaysia-Filipina bersama dua buah bot. Pihak polis akhirnya dapat membunuh dan menangkap beberapa orang ahli kumpulan berkenaan. Tindakbalas pihak PDRM telah mendapat bantahan dari Kerajaan Filipina yang menuduh pihak keselamatan negara ini telah mencerooboh perairan negara mereka. Namun demikian dakwaan mereka dapat disangkal kerana

tidak mempunyai bukti yang konkrit.⁴⁰

Insiden Kilang Mutiara Pulau Bohey Dulang, Semporna 1987

Satu lagi contoh yang dapat menunjukkan tentang bahayanya aktiviti *Mundu* ini dapat dilihat melalui serangan sekumpulan *Mundu* ke atas Syarikat Kaya Pearl Sdn. Bhd. Syarikat yang mengusahakan penternakan mutiara ini ditubuhkan pada 1963 untuk menjalankan operasi penternakan mutiara di Bohey Dulang, Semporna. Ia mendapat kontrak untuk menjalankan perniagaan ini selama 15 tahun iaitu sehingga 1978 dan kemudiannya disambung 15 tahun lagi sehingga 1993. Warga Jepun, Takada Shin Kobu telah dilantik sebagai pengurus kepada syarikat ini dan kemudian ia digantikan oleh Kojiwara Tomokoyoshi. Penternakan mutiara yang dijalankan oleh syarikat ini membawa keuntungan yang besar dan oleh itu, tidak menghairankan apabila kumpulan *Mundu* sering menyerang kawasan ini. Menurut sumber, setiap kali musim menuai, pihak pengurusan Jepun akan menyediakan kawalan keselamatan yang ketat ke atas kawasan ini terutamanya untuk mengelakkan kumpulan *Mundu* ini merompak hasil tuaian mutiara ini.⁴¹ Namun, serangan 12 orang perompak laut ke atas Kilang Mutiara di Pulau Bohey Dulang Semporna pada 1987⁴², merupakan tragedi serangan *Mundu* yang paling ngeri dan memberi kesan besar kepada syarikat ini. Dalam insiden ini, perompak ini berjaya membunuh dua orang pengurus berbangsa Jepun dan mencederakan beberapa orang kakitangannya. Ini menyebabkan kilang mutiara antara terbaik di Asia ini terpaksa ditutup kerana kebimbangan jika serangan seperti ini berlaku pada masa-masa akan datang. Kilang ini akhirnya ditutup dan operasinya telah dipindahkan ke Indonesia.

Insiden Serangan *Mundu* di Pekan Semporna 1996

Seterusnya pada 10 Februari 1996, satu rompakan telah berlaku di Pekan Semporna dan sasaran mereka kali ini ialah Kedai Emas Zaibo di Pekan tersebut. Ianya dilakukan oleh dua kumpulan yang utama yang melakukan serangan ala gerilla bertujuan untuk menukarkan perhatian pihak berkuasa.⁴³ Kumpulan pertama yang menggunakan senjata api dan melontarkan bom ikan ke dalam Balai Polis. Sementara kumpulan kedua telah melakukan rompakan ke atas Kedai emas dan berjaya merompak barang kemas bernilai RM100,000.00.⁴⁴ Kumpulan *Mundu* ini kemudiannya melarikan diri bersama rompakan ke dalam kawasan bakau di kawasan perkuburan Cina dan seterusnya meloloskan diri dari kepungan polis sehingga ke Kg. Bangau-Bangau, pertempatan bagi majoriti masyarakat Bajau Laut di daerah ini. Namun, melalui usaha yang bersungguh-sungguh daripada pihak polis, mereka berjaya merampas 200 butir peluru semasa berlakunya insiden tembak-menembak dan memberkas dua lagi anggota kumpulan tersebut manakala selebihnya berjaya melepaskan diri.⁴⁵

Insiden Balai Polis dan Rompakan Kedai Emas Semporna 1996

Pada Mac 1996 satu lagi serangan telah dilakukan oleh kumpulan 10 hingga 20 orang perompak ke atas Pekan Semporna. Kumpulan yang menggunakan Tempel sebagai pengangkutan mereka ini dilengkapi dengan senjata api seperti M16, US

Carbine dan *Grenade Launcher*. Serangan dilakukan ke atas tiga penjuru di mana kumpulan pertama bertindak menyerang Ibu Pejabat Polis Daerah Semporna menggunakan pelancar roket. Kumpulan kedua bertindak menyerang Balai Polis Lama berhampiran pekan Semporna, manakala kumpulan ketiga melakukan rompakan ke atas kedai Emas Kim Poh di Pekan Semporna.⁴⁶

Selepas berjaya merompak kedai emas ini, seorang anggota kumpulan berkenaan menjadikan sebuah keluarga di Kampung Air Semporna sebagai tebusan sebelum melarikan diri bersama wang rompakan berjumlah RM 200,000.00.⁴⁷ Pihak Polis dan anggota Pasukan Gerakan Am bertindak mengepung kampung berkenaan. Walau bagaimanapun perompak tersebut berjaya melarikan diri tanpa mencederakan sesiapa.⁴⁸

Insiden Rompakan Kedai Emas, Tawau 1996

Rompakan Kedai Emas Istimewa, Tawau pada Julai 1996 ini dilakukan oleh sekumpulan empat orang perompak yang bersenjatakan pistol. Kumpulan ini menggunakan senjata api dan berjaya merompak barang-barang kemas bernilai RM 150,000.00. Mereka seterusnya melarikan diri ke Kg. Hidayat, kawasan pertempatan Pelarian di Tawau.⁴⁹ Pihak Polis bertindak dengan bantuan sebuah helikopter dari Unit Udara dan 5 bot Marin dan pihak berkuasa telah berjaya menembak mati perompak tersebut. Dalam insiden ini, pihak polis berjaya menemui 1 pistol *revolver* 38 bersama 5 butir peluru dalam *chamber*, 1 *magazine* berisi peluru 8 colt 45, 2 kelongsong *rocket launcher* (M203), 4 Kelongsong peluru *garrand*, 3 bilah parang dan 12 butir peluru 38.⁵⁰ Beberapa jam kemudian, polis meneruskan gerakan dan berjaya menewaskan 5 orang perompak (dipercayai sekumpulan dengan perompak sebelumnya) dan polis telah menemui senjatapi jenis *garrand*, 4 peluru pelancar roket dan barang-barang kemas yang dirompak bernilai RM 150 ribu.⁵¹

Beberapa Insiden Lain

Selain itu, terdapat beberapa peristiwa *Mundu* yang menunjukkan tentang bahayanya aktiviti ini. Salah satu daripada insiden tersebut adalah seperti yang berlaku di Pulau Omadal pada Disember 1980. Dalam peristiwa ini, sekumpulan lebih kurang 20 orang *Mundu* merompak kawasan ini dan berjaya melarikan beberapa barangan berharga dan enjin bot. Kerugian dianggarkan berjumlah RM40,000.⁵²

Selain itu, dalam satu peristiwa pada 1988, pihak polis berjaya menembak mati Birhatun Ottohani, ketua *Mundu* yang berumur 40 tahun dan antara yang paling dikehendaki oleh pihak polis. Walau bagaimanapun, dua lagi rakan beliau berjaya melarikan diri.⁵³ Kejadian ini berlaku di kawasan pantai Pulau Tanjung berhampiran Semporna.

Dalam peristiwa pada 1993, sekumpulan *Mundu* diketuai oleh Si Tombad bersama 6 pengikutnya cuba merampas enjin sangkut yang dimiliki oleh nelayan tempatan yang sedang menangkap ikan di laut pada waktu malam. Namun, apabila pihak berkuasa meronda pada waktu itu, menyebabkan berlaku pertempuran dan akhirnya Si Tombad mati dan rakan-rakan beliau yang lain telah melarikan diri.⁵⁴

Pada Jun 1996, pihak polis berjaya membunuh 8 orang *Mundu* pada Jun 1996 di Pulau Omadal, Semporna merupakan antara contoh bahayanya kumpulan ini kepada keselamatan negara. Selain itu, terdapat beberapa peristiwa lain yang menunjukkan tentang bahayanya kumpulan dan aktiviti *Mundu* ini kepada negara kerana ia bukan hanya membawa kerugian kepada mangsa, tetapi dalam masa yang sama, kumpulan ini juga mampu membawa kematian dan mewujudkan ketakutan kepada penduduk setempat. Namun, terdapat juga beberapa peristiwa di mana para penduduk kampung enggan melaporkan peristiwa-peristiwa rompakan *Mundu* ini kerana mereka bimbang ia akan membawa masalah kepada penduduk.⁵⁵

INSIDEN PENCULIKAN OLEH MUNDU

Selain melakukan rompakan dan serangan ke atas kawasan-kawasan pesisir pantai dan pulau ini, kumpulan *Mundu* ini juga sering melakukan penculikan sebagai satu kaeadah untuk mendapatkan pulangan yang besar. Sehingga ke hari ini, terdapat beberapa insiden yang menunjukkan tentang bahayanya aktiviti ini kepada masyarakat umumnya. Antara insiden penculikan adalah seperti yang ditunjukkan di bawah.

Insiden Penculikan di Pulau Sipadan, Semporna 2000

Penulis melihat bahawa, jika sebelum ini kumpulan *Mundu* ini hanya merompak kapal-kapal, menyerang kedai-kedai emas dan kawasan-kawasan tertentu yang strategik, namun peristiwa pada awal 2000 di Sipadan memberikan satu gambaran bahawa aktiviti perlanuan ini bertukar kepada aktiviti penculikan sebagai satu cara untuk mendapatkan sejumlah wang yang banyak.⁵⁶

Kes penculikan Sipadan berlaku pada 23 April 2000 apabila 6 orang Kumpulan Abu Sayaff yang menggunakan dua buah Tempel dengan bersenjatakan AK47, Bazooka dan M16 menawan 10 orang warga Malaysia yang bekerja dengan pusat peranginan di Pulau Sipadan⁵⁷ dan 11 warga asing.⁵⁸ Selain itu, 2 warga Amerika melompat ke laut dan berjaya menyelamatkan diri.⁵⁹

Dalam kejadian penculikan ini, didapati bahawa para penuntut ini mengemukakan beberapa tuntutan ke atas kerajaan antaranya meminta agar selatan Filipina ini dipisahkan menjadi sebuah negara bebas dari cengkaman Manila dan mewujudkan sebuah negara Islam, menuntut wang berjumlah AS\$ 1 juta bagi setiap tebusan, melarang penggunaan pukut tunda memasuki kawasan perairan sulu, meminta penglibatan OIC dan PBB dalam menyelesaikan isu ini.⁶⁰

Seterusnya pada 28 April 2000, kumpulan ini mengemukakan tuntutan mereka untuk pembebasan kesemua tawanan ini. Rundingan ini berterusan dan akhirnya pada 25 Jun 2000, seorang rakyat Malaysia dibebaskan. Seterusnya pada 14 Julai, seorang lagi rakyat Malaysia iaitu Abdul Jawal Selamat dibebaskan dan beberapa hari selepas itu, 4 lagi warga Malaysia dibebaskan. Tidak lama selepas itu, iaitu pada 18 Ogos 2000, 3 lagi warga Malaysia iaitu Basilius Jim, Fong Yin Ken dan Kua Yu Loong dibebaskan.⁶¹ Sebanyak RM57 juta dibayar kepada Abu Sayaff untuk membebaskan 20 orang tebusan di Pulau Sipadan.⁶²

Insiden Pulau Pandanan, Semporna 2000

Seterusnya pada 10 September 2000, sekumpulan orang penculik bersenjatakan M16 dengan 2 bot laju melakukan penculikan di Pulau Pandanan (hanya beberapa kilometer dari pulau Sipadan) berlaku.⁶³ Kumpulan ini berjaya menculik 3 warga Malaysia iaitu Mohd. Noh Sulaiman atau George Solomon, Joe Joseph Jongkinoh dan Kan Wei Chong. Namun, dengan bantuan pihak tentera Filipina, akhirnya kesemua tebusan ini berjaya dibebaskan pada Oktober 2000.

Penculikan di Borneo Paradise Eco Resort, Lahad Datu 2003

Insiden penculikan ini berlaku pada 5 Oktober 2003 pada pukul 10.30 malam di pusat peranginan Borneo Paradise Eco Resort yang jaraknya hanya kira-kira 39 kilometer dari Lahad Datu. Kumpulan penculik yang terdiri daripada 10 orang ini berjaya menculik 6 orang pekerja tempatan termasuk 3 pendatang yang bekerja di kawasan ini. Kumpulan penculik ini kemudiannya menuntut RM3 juta untuk pembebasan mangsa tebusan.⁶⁴ Namun, kerajaan menolak cadangan ini dan menyatakan bahawa ia tidak akan melayan tuntutan kumpulan ini. Walau bagaimanapun, tebusan ini akhirnya dibebaskan pada 24 Mei 2004 melalui usaha yang bersungguh-sungguh dari kerajaan. Antara yang dibebaskan adalah seperti Amir Nanggi, Suwinto Tujimon, Asyad Sagoni dan Azarah Saraban, seorang warga Filipina.⁶⁵ Perunding dalam menyelesaikan kes ini, Datuk Chan San Chang dipercayai membayar RM200,000 untuk membebaskan mangsa ini.⁶⁶

Penculikan di Pulau Taganak, Sandakan 2004

Pada 11 April 2004, dua rakyat Malaysia iaitu wong Siu Ung dan Toh Chiu Tong serta seorang rakyat Indonesia, J.E Walter Sample yang mengendalikan bot tunda *East Ocean* yang dimiliki oleh *San Lim San Shipping Sdn. Bhd.* yang dalam perjalanan dari Miri menuju ke Pulau Solomon, Papua New Guinea diculik oleh sekumpulan lelaki.⁶⁷ Kumpulan ini berjaya merompak beberapa peralatan dan seterusnya merosakkan peralatan perhubungan yang terdapat dalam kapal tersebut.⁶⁸ Sehingga ke hari ini (2004), tebusan ini masih belum dibebaskan. Gabenor Wilayah Tawi-Tawi, Sadikul A. Sahali sendiri menyatakan bahawa 3 krew bot tunda tersebut yang diculik di Pulau Taganak ini mungkin disembunyikan di Pulau Sulu.⁶⁹ Dalam insiden ini, tujuh orang lagi yang berada dalam Kapal tersebut berjaya menyelamatkan diri kerana bersembunyi di bawah dek kapal.⁷⁰

KESIMPULAN

Daripada perbincangan di atas, jelas bahawa dalam konteks Sabah aktiviti perlanunan, rompak di laut, serangan, penculikan dan sebagainya tidak dapat memenuhi definisi konsep perlanunan atau rompak di laut yang banyak digunakan sebelum ini terutamanya dalam menjelaskan keadaan yang berlaku di negeri Sabah sendiri. Berdasarkan kepada kriteria *Mundu* yang diberikan, menunjukkan bahawa konsep ini merupakan satu alternatif baru kepada konsep lama iaitu perlanunan atau rompak

laut yang biasa digunakan sebelum ini. Ini kerana, konsep ini dilihat lebih signifikan dalam menjelaskan keadaan sebenar kepada sebarang bentuk aktiviti yang samada per;lanunan, rompakan, penculikan, jenayah dan lain-lain yang berlaku di Sabah. Oleh itu, tidak menghairankan jika konsep ini digunakan secara meluas di seluruh negeri Sabah khususnya di Pantai Timur Sabah.

Melalui penggunaan konsep *Mundu* ini juga, maka kerajaan akan lebih mudah mengambil sebarang tindakan kerana konsep *Mundu* itu sendiri sudah menjelaskan kesemua keadaan yang berlaku. Oleh itu, ahli-ahli kumpulan *Mundu* yang ditangkap ini boleh disabitkan ke atas semua jenis kesalahan yang dilakukan oleh mereka.

NOTA HUJUNG

1 Pengkaji ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Prof. Sabihah Osman, Prof. Azizah Kassim, PM Hasan Mat Nor (Dekan SSS), Dr. Kantaya, Sdr. W. Shawaluddin, Para Pensyarah Program Hub. Antarabangsa dan Pensyarah SSS, Sdr. Ahmad Mosfi, Sdr. Safie Abd Rahim dan rakan-rakan lain yang banyak membantu menjayakan kertas kerja ini.

2 Sila lihat Samuel Pyeatt Meneffee. 2002, *Crossing The Line?: Maritime Violence, Piracy, Definition and International Law*, di dalam Hamzah Ahmad & Akira Ozawa (Eds.), *Combating Piracy & Ship Robbery: Charting the Future in Asia Pacific waters*, The Okazaki Institute, Tokyo. Hal. 62-71.

3 Artikel 101, UNCLOS III 1982 mendefinisikan Perlanunan sebagai:-

a) Any illegal acts of violence or detention, or any act of depredation, committed for private ends by the crew or the passengers of a private ship or a private aircraft, and directed:

(i) On the high seas, against another ship or aircraft, or against persons or property on board such ship or aircraft;

(ii) Against a ship, aircraft, persons or property in a place outside the jurisdiction of any State;

b) Any act of voluntary participation in the operation of a ship or of an aircraft with knowledge of facts making it a pirate ship or aircraft;

c) Any act inciting or of intentionally facilitating an act described in subparagraph (a) or (b).

4 Laut Lepas atau *High Seas* dalam hal ini merujuk kepada laut yang terletak diluar Zon Ekonomi Eksklusif sesebuah negara.

5 Adam J. Young & Mark J. Valencia. 2003, *Conflation of Piracy and Terrorism in Southeast Asia: Rectitude and Utility*, Contemporary Southeast Asia, Vol. 25, No. 2, August.

6 *Focus on IMO*, www.imo.org (02.11.2004).

7 Jawatankuasa yang terdiri daripada beberapa organisasi seperti *Baltic and International Maritime Council* (BIMCO), *the International Chamber of Shipping* (ICS), *International Criminal Police Organization* (INTERPOL), *International of P & I Clubs* (IGP&I), *ICC International Maritime Bureau* (ICC-IMB), *International Maritime*

Organization (IMO), *International Transport Workers' Federation (ITF)* dan beberapa pertubuhan lain pada 1997. Sila lihat Samuel Pyeatt Menefee. 2001, *op. cit.*

8 Untuk keterangan lanjut sila lihat Samuel Pyeatt Menefee. 2001, *op. cit.*

9 Russ Swinnerton. 1998, *Piracy in East Asia-Trends and Counter-measures*, dlm Mohd Jawhar Hassan (Ed.), *A Pacific Peace: Issues & Responses*, ISIS Kuala Lumpur. Hal. 404.

10 B.A Hamzah. 2001, *Ship Robbery and Piracy: An Introduction*, dalam Hamzah Ahmad & Akira Ozawa (Eds.), *Combating Piracy & Ship Robbery: Charting the Future in Asia Pacific waters*, The Okazaki Institute, Tokyo.

11 Russ Swinnerton. 1998, *op. cit.*

12 Stanley B. Weeks. 2001, *Piracy and Regional Security*, di dalam Hamzah Ahmad & Akira Ozawa (Eds.), *Combating Piracy & Ship Robbery: Charting the Future in Asia Pacific waters*, The Okazaki Institute, Tokyo.

13 Selain itu, kesukaran menggunakan definisi ini juga adalah kerana kebanyakan aktiviti perlanunan di Asia Tenggara berlaku di kawasan yang bertindih misalnya di Kepulauan Spratly.

14 Dikalangan penduduk-penduduk yang ingin berulang alik dari Filipina dan Sabah samada untuk aktiviti perdagangan (*barter trade*), penyeludupan atau kemasukan secara haram, terdapat 3 pengangkutan utama yang digunakan iaitu Kumpit, Lansa dan Tempel. Lansa adalah perahu yang berukuran antara 20-30 kaki panjang dan mempunyai lebar antara 8-10 kaki. Lansa biasanya menggunakan kain layar untuk mengerakkannya. Kumpit merupakan sejenis tongkang atau kapal besar yang mempunyai saiz yang sama dengan pukat tunda iaitu antara 40-50 kaki panjang dan 15-20 kaki lebar. Tempel pula merupakan pengangkutan yang semakin popular sejak kebelakangan ini. Ia berukuran 20-30 kaki panjang dan 8-10 kaki lebar dan agak kecil berbanding kumpit. Ia mempunyai kelajuan 30-45 kilometer sejam dengan kuasa enjin sangkut antara 30-45 kuasa kuda dan mampu memuatkan antara 15-35 orang dalam satu-satu masa. Enjin Pump Boat juga sering digunakan untuk mengerakkan pengangkutan ini. Sila lihat Zulkiflie Hassan. 1999, *Pendatang Filipina di Kampung Bakau, Lahad Datu Sabah: Kajian Sosio-Politik*, Disertasi Sarjana Sastera, FSSS, Universiti Malaya.

15 Berdasarkan pemerhatian dan temubual dengan beberapa orang penduduk di Semporna dan Kota Kinabalu pada 12-15 Jun 2004 dan sepanjang Oktober. Selain itu, sepanjang tempoh beberapa kes penculikan ini juga mendapati bahawa masyarakat di sini dilakukan oleh *Mundu*.

16 Lihat B.A Hamzah. 2001, *op. cit.*

17 Ramli Dollah & Ahmad Tajuddin Said. 2004, *Kepentingan Nasional dan Keselamatan Maritim di Laut China Selatan*, Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Jilid 1, Bil. 3.

18 Diana Peters & Mauren De Silva. 2002, *Sabah Border Security: Infiltration of Sipadan*

and Pandanan, dibentangkan BRC, 7th Biennial International Conference, 15-18 Julai, UMS, Sabah.

19 Data yang diperolehi tidak memasukkan 4 (empat) kes penculikan yang berlaku di Sabah sepanjang tempoh 2001-2004.

20 Namun, terdapat juga beberapa kes rompakan di pulau-pulau yang tidak dilaporkan kepada pihak berkuasa kerana bimbang keselamatan mereka akan terancam. Temubual pada 25-27 Februari 2002 di pulau Bum-Bum.

21 Ahmad Kenajaan. 1997, *Ancaman Lanun dan Kesannya terhadap Keselamatan dan Ketenteraman Awam: Satu Kajian di Sabah*, Diploma Kepolisian, Maktab Pegawai Kanan Polis, Cheras dan Joyinia Sapikit. 2004, *op. cit.*

22 Namun, tidak dinafikan bahawa aktiviti *mundu* juga sering dilakukan oleh masyarakat setempat. Temuramah pada 25-27 Februari 2002 ke atas beberapa orang penduduk di Semporna terutamanya penduduk yang mendiami kawasan pulau Bum-Bum. Sila lihat Ahmad Kenajaan. 1997, *op. cit.*

23 Ramli Dollah et. al. 2003, *Pendatang Islam Filipina di Sabah: Satu Pemerhatian dari Sudut Keselamatan*, Jurnal Jati, Jabatan Asia Tenggara, Universiti Malaya, Bil. 8, Disember.

24 Che Moin Umar. 2003, *Managing Sabah Within the National Security Framework*, dibentangkan di Seminar The Emerging Geopolitical Scenario and Challenges, Shangri La, Tanjung Aru, Sabah, 15 April.

25 Ramli Dollah et. al. 2003, *op. cit.*

26 Penggunaan enjin Pump Boat ini sangat berkesan dalam beberapa keadaan misalnya kemampuannya untuk melepaskan diri daripada buruan polis kerana ia boleh bergerak di bawah rumah kawasan Perkampungan Air, kemampuan untuk bergerak di kawasan air tohor terutamanya kawasan bakau dan kawasan perkampungan yang membolehkan mendaratkan para pendatang atau barangan seludupan, laju dan sukar untuk dikejar dan seringkali digunakan untuk pegeboman ikan. Namun dikalngan masyarakat yang agak miskin, mereka ini sangat memerlukan kepada penggunaan enjin ini untuk tujuan pengangkutan, menangkap ikan dan lain-lain. Oleh itu, tidak menghairankan apabila isu ini menjadi isu hangat semasa pilihanraya Umum 2004 terutamanya di kawasan-kawasan pesisir pantai seluruh Sabah. Sila lihat, Wan Shawaluddin W. Hassan & Ramli Dollah. 2002, *Pendatang Islam Filipina di Sabah: Satu Tinjauan Awal Dari Sudut Keselamatan*, dibentangkan di 7th BRC, 15-18 Julai, UMS, Sabah dan Berdasarkan penglibatan pengkaji dalam Projek Pilihanraya Negeri Sabah yang diketuai oleh Prof. Sabihah Osman, Program Sejarah, Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah antara 13-23 Mac 2004.

27 Ibid.

28 Che Moin Umar, 2003, *Overview of National Security Challenges with Special Focus on Sabah*, di dalam Mohd Yaakub Hj. Johari & Chong Shu Yaw (Eds), *Reinventing Sabah: Global Chaallenges and Policy Responses*, Institute For Development Studies (IDS) Sabah.

29 Temubual secara tidak formal dengan beberapa orang anggota Polis, Semporna pada Jun 2004.

30 Temubual secara tidak formal bersama beberapa orang penduduk Kg. Tongkalloh, Pulau Bum-Bum Semporna pada Jun 2004.

31 Dalam hal ini, didapati bahawa kaum berbangsa Suluk sering menjadi mangsa kerana mereka dikatakan sebagai pemberi maklumat kepada kumpulan-kumpulan ini. Oleh itu, timbul perasaan tidak senang dengan mereka akibat daripada sikap prejudis ini.

32 Nordin Sandamudin. 2003, *Kegiatan Perlanungan Di Semporna sekitar tahun 1963-2000*, Latihan Ilmiah, Program Sejarah, Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah.

33 Daily Express. 23 Mei 1980.

34 Ahmad Kenajaan. 1997, *op. cit.*

35 Nordin Sandamudin. 2003, *op. cit* Hal. 62. (juga lihat Harian Express, 09 April 1980)

36 Ramli Dollah *et. al.* 2003, *op. cit.*

37 Temubual bersama beberapa orang anggota PDRM, Lahad Datu pada Mei 2003.

38 Utusan Malaysia, 26 Mac, 1996.

39 Diana Peters & Mauren De Silva. 2002, *op. cit* Hal. 5.

40 Sila lihat Ahmad Kenajaan. 1997, *op. cit.*

41 Sumber daripada Sdr. Safie Abdul Rahim, pegawai penyelidik di SSS, UMS yang menjalankan temubual bersama Pegawai Jabatan Perikanan Likas, KK, Sabah pada September 2002.

42 Berita Shell, Oktober 1992.

43 Dalam hal ini, sememangnya kumpulan mundu ini dipercayai datang dari Filipina. Mereka ini dikatakan sangat cekap dalam perjuangan guerilla memandangkan pengalaman mereka di selatan Filipina yang telah lama mengalami pergolakan. Temubual tidak formal bersama anggota PGA di Lahad Datu, Sabah Jun 2004.

44 Borneo Post, 11 February 1996.

45 Mingguan Malaysia, 24 Mac 1996. (dipetik dari Ahmad Kenajaan. 1997, *op. cit.*)

46 Mingguan Malaysia, 24 Mac 1996.

47 Berita Harian, 25 Mac 1996. Sila lihat Joyinia Sapikit. 2004, *op. cit.*

48 Ahmad Kenajaan. 1997, *op. cit.*

49 Sebelum melarikan diri, para perompak ini melepaskan tembakan untuk menakutkan-nakutkan orang awam. Walau bagaimanapun, semasa melarikan diri, mereka terserempak dengan anggota polis dan akhirnya berlakulah siri tembak menembak. Sila lihat Ahmad Kenajaan. 1997, *op. cit* dan Joyinia Sapikit. 2004, *op. cit.*

50 Joyinia Sapikit. 2004, *op. cit.*

51 Dalam gerakan berkenaan pihak polis berjaya mengesan sebuah bot laju yang dinaiki lima orang lelaki yang dipercayai perompak di laut Inderasabah, Tawau. Insiden kejar mengejar telah berlaku dan akhirnya pihak polis telah berjaya menembak mati kesemua perompak berkenaan. Ibid.

52 Berita Harian 21 Disember 1980. (Sila lihat Nordin Sandamudin. 2003, *op. cit.*)

53 Harian Express, 8 Mac 1988.

54 Nordin Sandamudin. 2003, *op.cit.*

55 Kejadian mencuri enjin bot, mendapatkan makanan, barang keperluan dan lain-lain (tidak dihebakkan kepada awam) di Pulau Bum-Bum sering dialami oleh penduduk di kawasan ini. Namun berlaku kekeliruan samada ianya dilakukan oleh penduduk tempatan ataupun pendatang dari Filipina. Wan Shawaluddin W. Hassan & Ramli Dollah. 2002, *op. cit.*

56 Dalam masyarakat di Selatan Filipina, budaya menculik merupakan budaya yang telah berakar umbi diamalkan oleh masyarakat di Selatan Filipina. Namun, tindakan-tindakan ini kurang mendapat perhatian kerajaan pusat di Manila dan antarabangsa. Namun, peristiwa Sipadan ini merupakan titik tolak dalam usaha mereka untuk mendapat perhatian antarabangsa apabila kumpulan ini berjaya menjadikan isu ini sebagai topik hangat bukan sahaja di Filipina atau Malaysia tetapi seluruh dunia. Oleh itu, tidak menghairankan apabila kes Pandanan dan beberapa insiden lain menyusul selepas itu.

57 Terdapat 6 buah resort yang beroperasi di Pulau ini semasa kejadian ini iaitu Borneo Divers, Sipadan Dive Center, Borneo Sea Adventures, Abdillah Sipadan Paradise dan Pulau Bajau Resort. Resort Pulau Sipadan, di mana kejadian ini berlaku merupakan resort yang paling hampir dengan pantai. Loniah Fenny Polumpung. 2002, *Penculikan Sipadan & Pandanan: Impak ke atas keselamatan Sabah*, Latihan Ilmiah, Sekolah Sains Sosial, UMS.

58 Daily Express 24.04.2000 .

59 Antara mereka yang menjadi tebusan dalam insiden ini adalah seperti Renjer Jabatan Hidupan Liar iaitu Baln Krishnan Nair, Francois Masaangkim, Zulkarnain Hashim dan Basilus Jim, 3 kakitangan Resort Pulau Sipadan iaitu Fong Yin Ken, Vincent Kwong dan Kua Yu Loong serta pembantu tukang masak Sipadan Dive Center, We Hock Leong dan seorang anggota Polis, Abdul Jawah Salawat. Tebusan-tebusan negara asing adalah seperti Renate Wallert, Werner Wallert dan Marc Wallert (warga Jerman), Carel Strydom dan Monique Strydom (Afrika Selatan), Stephane Loisy dan Sonia Wedling (Warga Perancis), Johan Franti

Seppo dan Vahenan (Warga Finland), Marie Moarbes (warga Lubnan), Ronald Ullah dan Lucrecia Dablo (warga Filipina). Loniah Fenny Polumpung, 2002, *op. cit.*

60 Sepanjang tempoh ini, merek turut membuat beberapa tuntutan lain misalnya menggantikan Roberto Alentajado, perunding kerajaan dengan Setiausaha Eksekutif, Rinaldo Zamoro dan beberapa orang yang dilihat di mana Abu Sayaff mempunyai kepentingan. Selain itu, mereka juga menuntut agar Romzi Youseouf (dikatakan terlibat dalam pengeboman WTC di NY pada 1993) dibebaskan, menuntut ditubuhkan satu Suruhanjaya untuk menjaga hak asasi pelarian. Berita Harian 30 April 2000, Utusan Malaysia 30 April 2000, Berita Harian 5 Ogos 2000, Daily Express 30 April 2000 dan beberapa laporan akhbar tempatan sepanjang tempoh ini.

61 Utusan Malaysia, 19 Ogos 2000.

62 Utusan Malaysia, 16 September 2000.

63 Berita Harian, 11.09.2000.

64 Utusan Malaysia Online, www.utusan.com.my 25.04.2004.

65 Seorang lagi tebusan iaitu Anwar, rakyat Indonesia mati 2 bulan sebelum itu semasa berada dalam tahanan kumpulan ini. Seorang lagi tebusan, Novelito Arcosel, seorang warg Filipina berjaya melarikan diri pada 29 Oktober 2003 apabila berlaku pertempuran antara kumpulan tersebut dengan tentera Filipina. Sila lihat Utusan Malaysia Online www.utusan.com.my 25.05.2004.

66 Utusan Malaysia Online, www.utusan.com.my 05.06.2004.

67 Ibid.

68 International Maritime Buerau, *Piracy Reports in 2004*.

69 Utusan Sarawak, 10 September 2004 dan Daily Express 10 September 2004.

70 Utusan Malaysia Online www.utusan.com.my 25.05.2004.